

26 penjaja diarah pindah

Kuala Lumpur: Seramai 26 penjaja gerai singgang di Jalan Dewan Sultan Sulaiman 1, Kampung Baru di sini, diarah berniaga di lokasi baharu iaitu Medan Selera Singgang Madani@Batu Bata, Titiwangsa.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataannya memaklumkan kerja-kerja meroboh deretan gerai di lokasi asal akan dilaksana pada Selasa hadapan dan pihaknya sudah mengeluarkan notis pemakluman pengosongan tapak itu sejak Oktober tahun lalu.

Menurut DBKL, notis itu menghendaki setiap penjaja mengosongkan tapak selewat-lewatnya 31 Disember tahun lalu dan notis peringat-pula dikeluarkan

kan pada awal Januari tahun ini.

“Lokasi gerai baharu dilihat akan memberi lebih keselesaan kepada penjaja dan pengunjung disebabkan lokasi gerai asal adalah bersebelahan dengan pusat sementara penyembelihan ayam yang boleh menimbulkan bau kurang menyenangkan kepada pengunjung ditambah keadaan kebersihan di sekitar kawasan perniagaan yang tidak memuaskan.

“Tapak itu juga terbabit dengan pelaksanaan projek pelebaran jalan,” menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebabkan beberapa sesi libat urus antara pihak DBKL dengan penjaja gerai ikan singgang diadakan sejak 2021 bagi membincang-

kan insentif dan tawaran kepada mereka untuk memastikan kelangsungan perniagaan setelah berpindah ke lokasi baharu.

Menurut DBKL, antara insentif itu ialah pengecualian sewaan selama tiga bulan selepas berpindah ke Medan Selera Singgang Madani@Batu Bata dan pengindahan serta pencahayaan di laluan pejalan kaki dari Stesen LRT Titiwangsa ke medan selera bagi tujuan keselamatan khususnya pengunjung gerai.

Untuk rekod, lokasi baharu itu dahulu dikenali dengan Medan Selera Damai@Batu Bata namun pertukaran nama iaitu Medan Selera Singgang Madani@Batu Bata dibuat bagi mengekalkan jenama ikan singgang yang merupakan lokasi utama peminatnya di ibu negara. – Bernama

Kerja-kerja meroboh deretan gerai di lokasi asal akan dilaksana pada Selasa hadapan